



MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND  
ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

# SIARAN MEDIA

## MALAYSIA MENGAMBIL LANGKAH BERANI KE ARAH KETAHANAN IKLIM DENGAN PELANCARAN BENGKEL MYNAP KICK-OFF

Malaysia telah memulakan langkah transformasi untuk menangani cabaran perubahan iklim yang semakin meningkat dengan pelancaran Bengkel MyNAP Kick-Off (Pelan Adaptasi Kebangsaan Malaysia).

Bengkel anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) itu memperkuatkan komitmen teguh Malaysia terhadap Perjanjian Paris dan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 yang terkini.

MyNAP, sebagai pelan adaptasi komprehensif pertama negara bertujuan untuk menangani kerentanan dalam sektor-sektor utama, termasuklah sumber air dan pesisir pantai, pertanian, infrastruktur, kesihatan awam serta biodiversiti.

Bengkel selama dua (2) hari itu, diadakan di Le Meridien Kuala Lumpur turut mendapat sokongan dan kerjasama strategik daripada Kementerian Persekutuan Jerman untuk Alam Sekitar, Pemeliharaan Alam Semula Jadi, Keselamatan Nuklear dan Perlindungan Pengguna (BMUV) dan Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ) GmbH. Bengkel MyNAP Kick-off ini dijayakan dengan kerjasama NRES, BMUV dan GIZ, dengan pembiayaan bersama daripada BMUV dan GCF.

Kerjasama ini bertujuan untuk memperhalusi Kerangka Awal MyNAP dan mewujudkan peta hala tuju yang seragam untuk strategi adaptasi iklim negara.

Dalam ucaptama yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES), Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, beliau menekankan mengenai kepentingan tindakan iklim.

"Pelan Adaptasi Kebangsaan Malaysia bukan hanya sebuah dokumen dasar; ia adalah seruan untuk bertindak. Inisiatif ini menekankan visi bersama kita untuk Malaysia yang berdaya tahan dan menunjukkan bagaimana perancangan strategik, kerjasama, dan inovasi dapat mendorong kemajuan yang bermakna," katanya.

Bengkel ini juga menekankan pentingnya kerjasama antarabangsa dalam menangani cabaran iklim. Tetamu kehormat termasuk Dr. Christian Zankiewicz, Kaunselor Hal Ehwal Ekonomi, Komersial dan Alam Sekitar, Kedutaan Jerman di Malaysia; Dr. Ulf Jaeckel, Ketua Bahagian Adaptasi Perubahan Iklim Eropah dan Antarabangsa di BMUV; serta Dr. Timo Menniken, Pengarah Negara bagi GIZ Malaysia dan Thailand.

Dr. Ulf Jaeckel turut menekankan pentingnya perkongsian ilmu dalam mencapai hasil yang mampan. Katanya, usaha Malaysia untuk membangunkan MyNAP selaras dengan amalan terbaik global dan mencerminkan kepentingan pendekatan bersepada dan inklusif dalam perancangan adaptasi.

Sesi interaktif, pembentangan pakar, dan perbincangan berkumpulan dalam bengkel ini akan menjadi panduan dalam penambahbaikan Rangka Kerja Awal MyNAP, meletakkan asas bagi peta hala tuju yang menangani cabaran iklim unik Malaysia serta mewujudkan mekanisme penyelarasan untuk kerjasama merentas sektor yang berkesan.

Menurut Ketua Setiausaha NRES, selaras dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Malaysia mempunyai peluang untuk menetapkan adaptasi iklim sebagai keutamaan serantau yang utama.

“Bersama-sama kita boleh membina Asia Tenggara yang berdaya tahan, bersatu dalam menjaga masa depan kita bersama,” katanya lagi.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**7 JANUARI 2025**